

# Ireka peroleh kontrak RM276.79 juta dari KL Eco City

**KUALA LUMPUR** – Ireka Engineering and Construction Sdn. Bhd. (Ireka), cabang prasarana Ireka Corporation Bhd., memperoleh kontrak pembinaan bernilai RM276.79 juta daripada KL Eco City Sdn. Bhd. (KL Eco City).

Menurut kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam, Ireka akan bertanggungjawab terhadap kerja-kerja bangunan utama podium runcit, pejabat blok A dan kerja yang masih berbaki bagi projek aras bawah tanah untuk pembangunan bercampur KL Eco City.

Projek pembangunan bercampur itu yang terletak di Bangsar, merupakan usaha sama antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan KL Eco City.

Kontrak itu dijangka bermula pada 15 Oktober ini dan ia bakal siap dalam tempoh 29 bulan daripada tarikh permulaan pembinaan.

Ireka menerangkan, kontrak itu merupakan kontrak kedua KL Eco City yang diberikan kepada syarikat tersebut.

Ketika ini, syarikat sedang membina dua blok pangsapuri berperkhidmatan iaitu Vogue Suites Tower 1 dengan kontrak bernilai RM298.24 juta.